

**Kerajaan Komited Jaga Kebajikan Rakyat - Muhyiddin
Bernama
20 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan sentiasa komited melaksanakan tanggungjawab menjaga kebajikan rakyat untuk memastikan kesejahteraan hidup mereka, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menurutnya, peranan kerajaan dalam meningkatkan tahap kesihatan bukan sahaja menekankan aspek pencegahan penyakit, malah menawarkan perkhidmatan rawatan yang berkesan serta mempromosi agenda kesihatan yang positif ke arah kesejahteraan hidup.

"Isu penjagaan kesihatan dan rawatan berkait rapat dengan pembangunan sosial dan ekonomi negara. Keadaan kesihatan rakyat yang baik memberi kelangsungan hidup yang baik.

"Ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti hasil kerja individu khususnya dan negara amnya," katanya ketika berucap merasmikan Pusat Dialisis Amal Tan Sri Muhyiddin (TSM) di Titiwangsa di sini Jumaat.

Muhyiddin, yang juga pengasas Yayasan Golf Amal Tan Sri Muhyiddin (TSM), berkata berdasarkan laporan registri dialisis dan transplan Malaysia, 26,404 pesakit kegagalan ginjal peringkat akhir menerima rawatan hemodialisis tahun lepas.

Muhyiddin berkata daripada jumlah itu, 13,159 pesakit (49.8 peratus) menerima rawatan di pusat dialisis swasta; 7,088 pesakit (26.9 peratus) di pusat dialisis badan bukan kerajaan (NGO) dan 6,157 orang (23.3 peratus) menerima rawatan di fasiliti awam di bawah Kementerian Kesihatan, hospital universiti dan Kementerian Pertahanan.

"Bagi menampung keperluan yang tinggi untuk perkhidmatan hemodialisis, kerajaan telah meluluskan 150 unit mesin hemodialisis di 68 hospital kerajaan di bawah Belanjawan 2013.

"Di samping itu, perkhidmatan dialisis turut disediakan pusat dialisis swasta dan NGO," katanya.

Beliau berkata pembiayaan oleh kerajaan kepada NGO adalah melalui bantuan subsidi rawatan, pemberian geran modal dan bantuan suntikan 'erythropoietin' kepada pesakit yang kurang mampu.

"Sehingga kini, bagi tempoh 12 tahun, kerajaan telah membiayai sebanyak RM215 juta melalui bantuan subsidi rawatan hemodialisis, RM20 juta melalui pemberian geran modal dan RM35 juta melalui bantuan suntikan 'erythropoietin'.

Muhyiddin berkata pada tahun lepas, kerajaan membiayai RM20 juta untuk bantuan subsidi rawatan hemodialisis kepada pesakit kurang berkemampuan di pusat-pusat dialisis NGO.

Beliau menegaskan yayasan berkenaan akan terus membantu dan menyokong usaha kerajaan melengkapkan agenda penjagaan dan rawatan kesihatan melalui penyediaan kemudahan pusat dialisis yang selesa kepada rakyat yang memerlukan.

Beliau juga yakin pembinaan Pusat Dialisis Amal TSM di Titiwangsa boleh dijadikan contoh kepada pusat-pusat dialisis yang sedang dirancang dibina di Pagoh, Johor Baharu dan

Putrajaya.

Pusat dialisis yang dilancarkan itu siap dibina pada Januari 2012 dengan kos RM970,000 menerusi pelbagai sumbangan yang diterima melalui majlis-majlis amal anjuran Yayasan Golf Amal TSM.

Beroperasi sejak Mei tahun ini, ia dilengkapi 12 mesin dialisis yang mampu menampung sehingga 72 pesakit sehari. Bayaran dikenakan hanya RM30 untuk sekali rawatan.

Pembinaan pusat dialisis bersebelahan Taman Tasik Titiwangsa itu merupakan idea asal Muhyiddin bagi menyediakan rawatan dialisis kepada mereka yang kurang berkemampuan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=979279>